

[Home](#) / [2025](#) / [June](#) / Bengkel Moderator Sistem e-Aduan UiTM 2025 Perkukuh Kompetensi Urus Aduan

BERITA UTAMA SINERGI

26/06/2025 / ANNISAA ISHAK



Bandar Enstek, 22 Jun 2025 – Seramai 140 moderator dari seluruh Pusat Tanggungjawab (PTj) UiTM telah menyertai **Bengkel Pemantapan Moderator Sistem e-Aduan 2025** yang berlangsung selama tiga hari, bermula 20 hingga 22 Jun 2025 di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Bengkel anjuran Pejabat Komunikasi Strategik, UiTM ini bertujuan memperkukuh kompetensi moderator dalam mengendalikan aduan secara cekap, telus dan berintegriti, sejajar dengan aspirasi universiti menangani isu penyaluran ketidakpuasan hati warga atau orang awam mengenai UiTM disalurkan yang betul.

Program dimulakan dengan sesi pembukaan oleh Ts. Dr. Hayati Abd. Rahman, Pengarah Komunikasi

Strategik, disusuli pelbagai sesi pendedahan intensif termasuk pengenalan Sistem e-Aduan versi baharu yang lebih mesra pengguna dan kaedah pelaporan aduan. Bengkel ini turut disempurnakan oleh Puan Norzaitul Ikma dari **Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri** yang turut memberi simulasi pengendalian aduan, dan penyelesaian untuk beberapa kajian kes.



Antara ahli panel yang turut berkongsi pengalaman termasuk Encik Mohamad Yusof Mustaffar (Pegawai Khas Naib Canselor II), DSP/PB Tuan Mohd Zaidi Razali (Ibu Pejabat Polis Bantuan), Encik Hairul Reazuan Asmayadi (Jabatan Hal Ehwal Pelajar), dan Encik Hanzalah Ali (Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari).

Menurut Prof. Dr. Ismie Roha Mohamed Jais, Penolong Naib Canselor (Komunikasi Strategik), penganjuran bengkel ini merupakan salah satu inisiatif tahunan yang penting dalam usaha merangka pelan intervensi pengurusan aduan di semua peringkat PTj, bagi memastikan reputasi dan imej UiTM kekal terpelihara. Program diakhiri dengan sesi Aku Janji oleh semua moderator sebagai simbol komitmen terhadap amalan pengurusan aduan yang lebih profesional dan bertanggungjawab.





Tags: [Biro Pengaduan Awam \(BPA\)](#), [Pejabat Komunikasi Strategik \(PKS\)](#), [Sistem e-Aduan](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)



Phantoms UiTM Pahang Rai Tempat
Ketiga di Kejohanan Bola Keranjang
NC KABA 2025



FSSR Jayakan ArtCamp 2025
Perkasa Apresiasi Seni dalam
Kalangan Pelajar Pra-Universiti

QUICK
LINKS

Ministry of Higher Education
Academic Calendar

HUBUNGI
KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor



[Intake Calendar](#)

[Graduate Quick Search](#)

[Library](#)

[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

[Darul Ehsan](#)

[Malaysia](#)

[Tel: +603-5544 2051 / 2000](#)